


# PERPUSTAKAAN DIGITAL: PERANAN REPOSITORI INSTITUSI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

## ABSTRAK

Repositori Institusi Universiti Sains Malaysia (Repository@USM) berfungsi sebagai repositori untuk menyimpan pelbagai bahan maklumat elektronik seperti artikel daripada majalah akademik, buku, tesis, kertas peperiksaan, laporan penyelidikan, gambar dan sebagainya. Repositori ini menyediakan akses percuma di seluruh dunia dan bebas digunakan untuk tujuan penyelidikan dan pembelajaran di Universiti. Ianya dapat dijadikan sebagai sumber rujukan dalam talian yang mudah, berkesan dan boleh diakses pada bila-bila masa melalui internet. Repositori institusi ini memainkan peranan penting bagi menjamin kesinambungan harta intelek warga USM sebagai sumber rujukan secara dalam talian dan seterusnya menyokong Visi dan Misi Perpustakaan dalam usaha USM mencapai taraf Universiti APEX. Penubuhan repositori institusi Perpustakaan telah membantu mentransformasikan Perpustakaan menjadi sebuah perpustakaan digital apabila bahan dapat dicapai dengan cepat melalui jaringan komputer pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja selari dengan perkembangan teknologi yang bergerak pantas pada masa kini.

Katakunci: Repositori institusi; Universiti Sains Malaysia; penyelidikan; perpustakaan digital; universiti APEX; transformasi

## SEJARAH PENDIGITAN BAHAN



## REPOSITORY@USM

Repository@USM berfungsi sebagai repositori untuk menyimpan pelbagai bahan maklumat elektronik seperti artikel daripada majalah akademik, buku, tesis, kertas peperiksaan, laporan penyelidikan, fotografi dan sebagainya. Repositori ini menyediakan akses percuma di seluruh dunia dan bebas digunakan untuk tujuan penyelidikan dan pembelajaran di Universiti. Ia dapat dijadikan sebagai sumber rujukan dalam talian yang mudah, berkesan dan dapat diakses pada bila-bila masa melalui internet. Repositori ini bukanlah sebuah penerbitan untuk bahan-bahan yang didepositkan ke sini tetapi merupakan sebuah koleksi arkib dalam talian. Pendepositan bahan dalam repositori ini tidak akan mengubah atau memberi kesan kepada bahan asal tersebut yang melibatkan hak harta intelek atau hak cipta.

Objektif utama penubuhan repositori ini adalah untuk menyimpan dan menyediakan perkhidmatan maklumat elektronik koleksi arkib yang boleh diakses pada bila-bila masa, menjamin kesinambungan harta intelek warga USM sebagai sumber rujukan secara dalam talian dan menyokong Visi dan Misi Perpustakaan dalam usaha USM mencapai taraf Universiti APEX.


## BAHAN-BAHAN DALAM REPOSITORI

Sehingga bulan Jun 2013, sebanyak **25,767** bahan telah dimuat naik ke repositori ini dengan pecahan seperti berikut:

- ✓ Artikel (147)
- ✓ Buku (88)
- ✓ Bab dalam buku (22)
- ✓ Bahan persidangan/bengkel (744)
- ✓ Imej (173)
- ✓ Laporan projek/kertas kerja (556)
- ✓ Bahan pengajaran dan pembelajaran (Kertas Peperiksaan) (22518)
- ✓ Tesis (1354)
- ✓ Bahan pameran (1)
- ✓ Lain-lain (petikan dari surat khabar lama, perisian dan lain-lain) (164)

## STAF DAN PERALATAN

Untuk menggerakkan repositori ini, semestinya keperluan tenaga staf dan peralatan memainkan peranan penting. Proses pendigitalan bahan Perpustakaan ini dilakukan sepenuhnya oleh staf Perpustakaan yang melibatkan beberapa proses seperti penerimaan dan pemilihan, imbasan, suntingan, muat naik dan semakan. Semestinya proses-proses ini sangatlah penting dalam menukar format bahan dari salinan keras (*hard copy*) kepada salinan lembut (*soft copy*) yang boleh diakses secara dalam talian. Proses kerja ini akan diterangkan dengan lebih lanjut dalam carta alir dibawah.



Repository@USM telah diletakkan dibawah Bahagian Automasi, Perpustakaan Hamzah Sendut yang terdiri daripada 13 orang staf. 7 orang staf telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskannya. Staf terdiri daripada:


- ❑ 1 Ketua Bahagian (S48)
- ❑ 2 Pustakawan (S41)
- ❑ 2 Pembantu Perpustakaan (S17)
- ❑ 2 Pembantu Am Pejabat (N1)

## PERALATAN


- ❖ Canon DG 5010C
- ❖ Canon DR 7080C
- ❖ Canon DR 2580C
- ❖ HP Scanjet N8420
- ❖ BookEye 2
- ❖ I2s Digi Book Suprascan II



Mesin Pegimbas HP ScanJet N8420



Mesin Pegimbas BookEye 2



Mesin Pegimbas I2s DigiBook Suprascan

## STATISTIK PENGGUNAAN REPOSITORY@USM

